

**Article Info:**

Received Date: 01 July 2019

Accepted Date: 03 November 2019

Published Date: 11 November 2019

Corresponding Author:

gregory\_kiyai@yahoo.com

## **Tukang Sabak dalam budaya dan upacara Nyabak Masyarakat Iban di Sarawak: Satu Penelitian awal**

**Gregory ak Kiyai @ Keai**  
Fakuliti Seni Gunaan dan Kreatif,  
Universiti Malaysia Sarawak  
gregory\_kiyai@yahoo.com

### **Abstrak**

Pegangan hidup berbudaya telah menyebabkan manusia mempercayai akan wujudnya alam lain selepas kehidupan. Bagi masyarakat Iban di Sarawak mereka percaya akan alam kematian selepas kehidupan yang disebut sebagai alam *Sebayan*. Alam *Sebayan* diceritakan secara turun temurun oleh generasi Iban secara lisan dan banyak mempengaruhi dalam cerita dongeng Iban dan budaya ketara dan tidak ketara masyarakat Iban. Dalam budaya Iban terdapat pelbagai adat dan pantang larang yang telah ditetapkan oleh pencipta yang dipanggil sebagai Petara dalam menjaga keseimbangan hubungan dunia kosmologi Iban. Dalam adat kematian Iban, satu upacara khas iaitu upacara *Nyabak* harus dilakukan dengan mengupah khidmat *Tukang Sabak*. *Tukang Sabak* memainkan peranan penting bagi menghantar roh si mati ke tempat yang sepatutnya dengan lancar. Penyelidikan ini membincangkan terhadap budaya *Nyabak* dan peranan *Tukang Sabak* dalam adat kematian masyarakat Iban di Sarawak.

**Kata Kunci:** Adat, Budaya, Iban, Nyabak

### **Abstract**

*The cultural belief has cause human to believe the existence of life after death. For the Iban in the Sarawak, they believe the realm after death is called as Sebayan. The story of Sebayan was passed down through orally by older generation to a new generation. This has effected the Iban in term of Iban's myth story, tangible and intangible culture within their community. In the Iban's custom and taboo, created by Petara to protect the balance of Iban's cosmology. In Iban's death belief, there's a certain ritual known as Nyabak by hiring a Tukang Sabak (The Crying Lady) to perform it. The Tukang Sabak roles is to smoothly deliver the soul of the death to the afterlife. This reaserch will discuss of Nyabak ritual and the roles of the Tukang Sabak of death in Iban's belief.*

**Keyword:** Custom, Culture, Iban, Nyabak